



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN *RECYCLE FOR LIFE*  
UNTUK KAKITANGAN MPSP

## TARIKH / MASA / TEMPAT

01 MAC 2019 (JUMAAT)  
9.00 PAGI

AUDITORIUM MENARA MPSP  
BANDAR PERDA  
BUKIT MERTA JAM

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Yang Berusaha Tuan Ir Mhd Saiful Anuar Bin Zainal**

Chief Executive Officer E-Idaman Sdn. Bhd.

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Datin Hjh Che Limah Binti Hj Ujang**

Pengerusi PUSPANITA

**Encik Mohd Tahir Bin Othman**

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

**Encik Mohd Nasir Bin Hassan**

Naib Yang DiPertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam Bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah Binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagidan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran *Recycle for Life* Untuk Kakitangan MPSP.

Hari ini kita akan menyaksikan penyempurnaan Majlis Pelancaran *Recycle for Life* Untuk kakitangan MPSP dan saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar dan juga warga MPSP serta para hadirin sekalian yang hadir di program pada pagi ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP melalui Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 telah merangka dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dalam menangani isu-isu berhubung pengurusan sisa buangan dan sisa pepejal, mengurangkan pengeluaran karbon dengan mewujudkan pembangunan

hijau dan persekitaran yang bersih. MPSP akan memberi tumpuan kepada pengurusan sisa organik, sisa dapur dan memperluaskan pembudayaan kitar semula pada tahun 2019.

MPSP adalah PBT yang pertama di Malaysia melaksanakan Sistem Pengurusan Perangkap Minyak Bersepadu iaitu memasang, menyelenggara dan mengitar semula minyak. Pada peringkat permulaan, Sistem Pengurusan Perangkap Minyak Bersepadu telah berjaya dilaksanakan di lima (5) lokasi iaitu Kompleks Makanan Jalan Mohd Saad, Kompleks Makanan Tun Dr Awang, Kompleks Makanan Taman Desa Murni, Kompleks Makanan Taman Guar Perahu dan Kompleks Makanan Taman Guru, melibatkan 78 gerai dengan kos RM204,647.00. MPSP juga akan memperluaskan Sistem Pengurusan Perangkap Minyak Bersepadu di 30 kompleks makanan diseluruh Seberang Perai pada tahun 2019 dengan anggaran kos sebanyak RM2juta. MPSP tidak teragak-agak untuk menarik balik penyewaan sekiranya peniaga enggan bekerjasama dalam menyelenggara perangkap minyak dalam premis mereka.

MPSP bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris telah membuat satu inovasi untuk memproses sisa makanan dengan menggunakan mesin kompos *Economical Food Waste Composter* (EFWC). EFWC boleh menukarkan sisa makanan kepada satu bahan yang memberi faedah iaitu

baja kompos. Sisa-sisa makanan atau sisa buangan dapur akan diproses menggunakan *Economical Food Waste Composter* menggunakan motor untuk pengudaraan dan mikroorganisma bagi mempercepatkan proses pengkomposan. Sebanyak 50kg sisa organik boleh dimuatkan dalam mesin ini dan kompos boleh dihasilkan dalam masa lima (5) hari.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP juga telah memperkenalkan *Smart Consumption Model 8R* pada 14 Januari 2018 iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle*, bertujuan untuk mengurangkan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dan meningkatkan kadar kitar semula. Pelbagai program-program dilaksanakan untuk memaksimumkan kitar semula, meminimalkan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan serta memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

Kini, Seberang Perai mempunyai 69 pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan taman perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai untuk menjalankan aktiviti kitar semula. Bagi tahun 2018, sebanyak 425,640,280 tan barangan kitar semula telah dikutip dan dikumpul dari seluruh kawasan Seberang Perai di mana 7,987,294 tan adalah daripada pusat-pusat kitar semula. MPSP mempunyai

*competitive advantage* dalam bidang pembikinan barangan *upcycle* sehingga berjaya mewujudkan *Upcycle Park* pertama di Malaysia yang telah mendapat pengiktirafan dalam *The Malaysia Book of Records* pada 28 Julai 2018.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Dalam usaha untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal menjelang tahun 2022, MPSP telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam melaksanakan dasar pengasingan sisa di punca serta meningkatkan usaha kitar semula. Ini untuk memastikan agar MPSP dapat mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan kadar sampah yang dihasil perkapita dikurangkan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022 dan seterusnya dapat mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada 8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita kepada 4.65 tan CO<sub>2</sub>e per kapita pada tahun 2022.

Salah satu usaha terkini MPSP adalah memperkenalkan dan melaksanakan Program *Recycle for Life*. *Recycle for Life* (RFL) adalah merupakan satu program kitar semula menggunakan sistem tanpa tunai di bawah perhatian Bank Negara Malaysia melalui kad pintar RFL.

Saya amat berbangga dengan Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua jabatan dan semua kakitangan MPSP kerana menunjukkan teladan dan menjadi juara dalam kitar semula. Sehingga kini YDP, semua Ahli Majlis, Puan Setiausaha Perbandaran dan 3,088 kakitangan MPSP telah mendaftar diri untuk mendapatkan kad pintar *Recycle for Life*. MPSP merupakan organisasi pertama di Malaysia yang mempunyai pemegang kad pintar *Recycle for life* yang teramai. 70% daripada kakitangan MPSP adalah pemegang kad pintar dan saya yakin dalam masa yang singkat, semua kakitangan MPSP akan menjadi pemegang kad pintar dan melaksanakan kitar semula dalam kehidupan harian mereka.

Saya juga amat merasa bangga diatas perjuangan rakan media yang sentiasa bersama saya memberi pandangan dan mendidik komuniti Seberang Perai untuk melaksanakan kitar semula melalui liputan-liputan berita yang disiarkan. Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 47.15% pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 3.9% dari tahun 2017. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada warga MPSP, rakan media dan semua komuniti Seberang Perai. Kita berada di landasan yang betul.

## Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

*Recycle for Life* adalah program kitar semula yang memberi ganjaran tunai melalui penggunaan kad pintar. Nilai ringgit hasil jualan barangan kitar semula akan dikreditkan ke dalam kad pintar RFL. Kakitangan yang mempunyai kad pintar RFL boleh membawa barangan kitar semula ke Menara MPSP setiap bulan untuk dijual kepada Syarikat E-Idaman Sdn. Bhd. Program RFL ini menggalakkan amalan kitar semula dan dapat berbelanja dengan hasil jualan barangan kitar semula tersebut.

Hasil jualan akan dikumpulkan di dalam kad ini dan nilai ringgit di dalam kad tersebut boleh digunakan untuk membeli barangan di Pasaraya-Pasaraya seperti Pasaraya Econsave, Pasaraya Yawata Jitra, Giant, Kedai KOSPEMA; rangkaian restoran terpilih seperti Kafeteria MPSP; membayar bil air dan juga membeli prepaid. Terdapat juga beberapa rangkaian restoran yang terpilih untuk menggunakan kad pintar RFL ini iaitu; Restoran Ikan Bakar Top (Alor Mengkudu), Restoran Tok Keramat (Jitra), Nice and Clean Car Wash (Alor Mengkudu), DXN Café (Stargate Alor setar). Kad pintar RFL ini juga boleh diakses melalui aplikasi *Recycle for Life* bagi tujuan menyemak baki dan lain-lain transaksi seperti menambah nilai dalam kad tersebut.



**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP bercadang untuk mengembangkan program ini ke peringkat sekolah, agensi-agensi kerajaan dan swasta, dan juga komuniti Seberang Perai. Matlamat kita adalah untuk setiap warga Seberang Perai menyumbang ke arah penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya menyeru kepadapara hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan hijau serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua warga MPSP dan warga Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. Saya dengan sukacitanya dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM merasmikan Majlis Pelancaran *Recycle For Life* untuk Kakitangan MPSP.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih**